

# Sukan Staf UMS boleh lahir atlet profesional

(KINABALU 15 Feb 2012) 27

KOTA KINABALU 14 Feb.

- Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui pusat sukannya berhasrat menjadikan Sukan Staf UMS sebagai pemangkin pembangunan kecemerlangan sukan dan melahirkan atlet profesional daripada institusi pengajian tinggi.

Pendaftar UMS Datuk Abdullah Md. Said berkata program seumpama itu boleh melahirkan lebih ramai atlet daripada kalangan pelajar dan staf mewakili IPT di bidang sukan termasuk peringkat universiti tempatan.

“Pemilihan atlet yang mewakili universiti itu diharap dapat menambah kelahiran ahli sukan bermutu dan mampu menaikkan nama universiti di masa akan datang,” katanya kepada pemberita selepas menutup Program Kemuncak Sukan Staf UMS berlangsung selama 22 hari yang berakhir semalam.

Abdullah yang juga Pengetua Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan Staf UMS ke-12 berkata, program yang dianjurkan sejak 2008 itu dapat mempromosikan budaya hidup sihat dan cergas di kalangan warga UMS.

“Sebanyak 19 acara sukan dianjurkan bermula dengan golf pada 21 Januari lepas termasuk bowling, ping pong, badminton, bola tampar, bola jaring, futsal, tenis, kayak, olahraga dan berakhir dengan Larian Ke Puncak UMS (mendaki bukit),” katanya. - BERNAMA